



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/12/124 (HQ)

200 MURID TERIMA KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MELALUI PROGRAM JOM KE SEKOLAH TNB 2016

Dua ratus (200) murid daripada keluarga kurang berkemampuan di daerah Sik, Kedah hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan dari **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Parlimen Sik, Y.B. Dr. Mansor Abdul Rahman di Dewan Besar Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Beris Jaya, Sik, Kedah. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di Sik.

Pengurus Besar Negeri (Kedah), Bahagian Pembahagian TNB, Zubir Hashim berkata sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam sekolah, kasut dan beg sekolah keseluruhannya bernilai RM45,000.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 15 bagi Kawasan Parlimen di lapan (8) buah negeri iaitu, Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,000 murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM900,000.00.

Sejak dianjurkan pada tahun 2013, seramai 3,788 orang murid daripada 187 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini.

Dikeluarkan di Sik, Kedah pada 17 Disember 2015

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Hassan di talian 019-411 1241 /
Hawa Anwar di talian 019-269 1907 / Asyraf Zahardin 017-355 7508
media@tnb.com.my*